


Warisan

BILANGAN 2

KDN 7890

DISEMBER 1975



diterbitkan oleh

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Warisan

Jurnal Ilmiah
Seksyen Peninggalan Sejarah
Unit 10, Muzium Negeri
Seremban, Seremban, Selangor.

BILANGAN 2

KDN 7890

DISEMBER 1975

KANDUNGAN

1. Jawatankuasa Kerja
Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan halaman 2
2. Rencana Pengarang halaman 3
3. Sistem Politik Negeri Sembilan
Dr. Khoo Kay Kim, Ph.D. halaman 4
4. Perang Bukit Putus 1875 — 1876
William Jalleh, B.A. (Hons.), PJM, PJK. halaman 12
5. Sejarah Sekolah-Sekolah Di Negeri Sembilan halaman 17
6. Masjid Tua Kampung Tengah
Mohd. Ali bin Isa halaman 38

gambar kulit: Bangunan Muzium Negeri, Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA KERJA
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

<i>Penaung</i>	YAB Datuk Mansor bin Othman, KMN, PJK. Menteri Besar Negeri Sembilan.
<i>Yang Dipertua</i>	YB Encik Mohd. Saffian bin Haji Abdul Majid, KMN, PPT.
<i>Naib Yang Dipertua</i>	Encik Idris bin Haji Tain. PPT.
<i>Setiausaha Kehormat</i>	Encik Ismail bin Haji Adnan.
<i>Penolong Setiausaha Kehormat</i>	Encik Musa bin Wahab. PJK.
<i>Bendahari Kehormat</i>	Encik Tan Ghee Peng.
<i>Ahli-Ahli Jawatankuasa</i>	Encik B. H. Tan, JMN, JP, PJK, O.S.I. Encik Wan Jaafar bin Abdullah, PPT. Encik William Jalleh, PJM, PJK. Encik Mohd. Said bin Haji Mohd. Radzi. Encik Mohd. Zain bin Haji Rais. Encik Ahmad bin Janor. Encik Mohammad bin Maarof. Tuan Syed Jaafar bin Syed Abdul Rahman. Encik R. Visvanathan. Cik Noraini binti Ali. Cik Vicki Muthu. PJK.
<i>Pengarang Kehormat</i>	Datuk Sutan Bendahara Mohd. Shariff bin Fakeh Hassan, PJK, PPN. Cik Sharifah Nor binti Puteh.

JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN

<i>Pengerusi</i>	Encik Mohd. Said bin Haji Mohd. Radzi.
<i>Setiausaha</i>	Encik Ismail bin Haji Adnan
<i>Pengurus</i>	Encik Tan Ghee Peng.
<i>Ahli-Ahli</i>	Encik William Jalleh, PJM, PJK. Datuk Sutan Bendahara Mohd. Shariff bin Fakeh Hassan, PJK, PPN. Encik Musa bin Wahab. PJK. Cik Sharifah Nor binti Puteh.

RENCANA PENGARANG

Keperluan sebuah Muzium Negeri Sembilan yang benar-benar berfungsi jelas diperlihatkan melalui pendapat-pendapat umum yang tersiar di akhbar-akhbar tempatan. Saudara Isbiha dalam tulisannya MUZIUM NEGERI PERLU DIBERI WAJAH BARU (Berita Harian, 20hb. November, 1975) telah mengemukakan beberapa pendapat orang-orang tempatan yang menyatakan bahawa Muzium Negeri yang ada sekarang tidak dapat memenuhi tugas dan fungsinya dengan wajar, bukan sahaja dari segi bangunannya yang kecil dan telah uzur, tetapi juga dari segi kedudukannya dan bahan-bahan yang dipamirkannya.

Ekoran dari itu, Saudara S.M. Hata telah menulis FUNGSI DAN SUSUNAN BAGI SEBUAH MUZIUM (Berita Harian, 13hb. Disember, 1975) yang antara lain telah menyebut, "Ramai tokoh-tokoh terkenal, baik kebudayaan, kesenian, sejarah dan juga para peminat menyuarakan hasratnya supaya muzium itu (Muzium Negeri Sembilan) diberi perhatian yang sewajarnya."

Sebenarnya hasrat mereka itu bukanlah tidak mendapat perhatian dari Kerajaan Negeri Sembilan. Ini terbukti dengan adanya mesyuarat-mesyuarat Lembaga Muzium Negeri yang melibatkan penyertaan beberapa jabatan kerajaan, khusus untuk membicarakan soal-soal berhubung dengan penyusunan pentadbiran dan penyelenggaraan Muzium Negeri ini.

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan sendiri telah mengemukakan satu kertaskerja awal berhubung dengan penyusunan bahan-bahan Muzium tersebut untuk dibincangkan. Adalah diharapkan kertaskerja itu dapat menjadi titiktolak kepada pelaksanaan penyusunan semula Muzium Negeri, dan dalam hubungan ini diharapkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif utama.

Sesungguhnya negeri ini mempunyai banyak bahan-bahan yang menarik dan penting untuk dipamirkan di dalam Muzium Negeri, tetapi untuk mengusahakan pengumpulan dan penyusunan yang benar-benar sempurna pastilah memerlukan banyak usaha, tenaga, kewangan, malah pengurbanan.

Cawangan ini percaya projek serupa ini dapat dijayakan sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengambil dayautama, di samping melibatkan penyertaan secara aktif jabatan-jabatan kerajaan, orang-orang perseorangan, kalangan swasta, dan badan-badan sukarela yang terdapat di negeri ini.

Sekiranya projek ini dapat dijayakan, ianya akan dapat membanggakan Negeri Sembilan, bukan sahaja kerana mempunyai sebuah Muzium Negeri yang lengkap dan tersusun dengan rapi, tetapi juga dapat menarik lebih ramai lagi pelancung-pelancung yang sebahagiannya dapat mengukuhkan perkembangan ekonomi dan pembangunan negeri ini.

MASJID TUA KAMPUNG TENGAH

o l e h

Mohd. Ali bin Isa

Antara beberapa tempat bersejarah di Negeri Sembilan termasuklah sebuah masjid tua yang dianggarkan berusia kira-kira 300 tahun, terletak di Kampung Tengah, Kuala Pilah. Walaupun masjid ini pada masa sekarang sudah tidak digunakan lagi sebab sebuah masjid baharu telah didirikan di sebelahnya, namun ianya masih tetap dihormati dan dipandang sebagai keramat o'eh penduduk-penduduk tempatan. Ini jelas terlihat pada tiap-tiap hari Jumaat ramai orang akan mengunjunginya membawa barang-barang makanan, kebanyakannya bertujuan untuk melepaskan niat dan membayar nazar masing-masing.

Sebenarnya asalusul masjid ini dikaitkan dengan kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan, khususnya ke Kampung Tengah.

Mengikut ceritanya, selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511, maka muncullah Kerajaan Aceh yang telah meluaskan kekuasaannya sehingga ke Pulau Percha (Sumatera) pada kurun ke 17. Ini mengakibatkan, antara lain, perpindahan orang-orang Sumatera termasuk dari beberapa daerah di Minangkabau ke negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, di mana sebahagian besar daripada mereka telah meneroka beberapa tempat di daerah-daerah pedalaman di Negeri Sembilan.

Suatu daripada gelombang-gelombang perpindahan ini ialah satu keluarga tiga beradik yang terdiri dari yang sulung bernama Banun, diikuti oleh adik-adiknya Isom dan Kanda. Mereka yang berasal dari daerah Tanah Datar di Minangkabau bersama-sama dengan beberapa orang lain telah membuat kampung halaman di Kampung Tengah. Itulah sebabnya di Kampung Tengah kebanyakan penduduknya terdiri dari orang-orang suku Tanah Datar.

Setelah membuat kampung halaman di Kampung Tengah dan hidup dalam keadaan yang stabil, maka mereka bersama-sama orang-orang lain yang berhijrah itupun mengaturkan cara-cara hidup bermasyarakat berdasarkan Adat Perpatih sebagaimana yang mereka amalkan di Minangkabau.

Tidak berapa lama antaranya maka datanglah seorang guru agama dari Palembang bernama Haji Maaris, yang telah mengajar agama kepada penduduk-penduduk tempatan. (Bekas kubur Haji Maaris ini masih terdapat di Kampung Tengah, dipanggil orang Jirat Tunggal.) Atas kehendak dan dorongan tuanguru inilah kemudiannya terdiri sebuah masjid di suatu tempat yang sekarang ini merupakan tengah sebuah sawah di sebelah hilir Ampang Batu, Kampung Tengah, (di mana bekas tapaknya kini ditumbuhi oleh sebatang pokok pulai yang besar dan di sisinya sebatang pokok langsung.) Pembinaan masjid ini adalah hasil tenaga gotongroyong murid-murid Haji Maaris di Kampung Tengah setelah ianya direstui o'eh kebulatan muafakat segala orang-orang tua, buapak-buapak dan datuk-datuk Lembaga suku-suku.

Ada setengah pendapat pula mengatakan bahawa masjid ini dibina sempena ketibaan Raja Melewar pada tahun 1773 di Seri Menanti untuk menjadi sebagai Yamtuan yang pertama bagi Negeri ini (1773-1795). Dan di masjid inilah dikatakan Raja Melewar telah berangkat untuk menunaikan sembahyang Jumaatnya.



Bangunan kecil di belakang ialah masjid tua Kampung Tengah yang dipercayai setakat ini sebagai masjid tertua di Negeri Sembilan.

Da'lam masa pemerintahan Yamtuan Antah, Yamtuan Negeri Sembilan yang keenam (1872-1888), masjid ini telah dipindahkan ke hilir, iaitu di kawasan Suku Seri Lemak Bangsa Balang, di dalam kampung isteri Iman Langkah, seorang guru agama dan pawang yang terkenal, berpengaruh dan mempunyai bilangan murid yang ramai. Sebagai seorang pawang, Tuanku Muhammad, Yamtuan Negeri Sembilan yang ketujuh (1888-1933) dikatakan pernah berubat dan menerima rawatan dari Imam Langkah kerana penyakit ketumbuhan.

Setelah Imam Langkah meninggal dunia, masjid ini sekali lagi dipindahkan di dalam kawasan kampung Suku Tanah Datar. Ini adalah disebabkan di tempat yang asal masjid ini sentiasa terancam kerana kedudukannya yang berhampiran dengan tebing Sungai Seri Menanti menyebabkan ianya sering dilanda air. Perpindahan ini dilakukan dengan muafakat ketua-ketua suku, pegawai-pegawai masjid dan penduduk-penduduk tempatan secara bergotongroyong, iaitu bangunan masjid ini diusung secara beramai-ramai. Maka kekalkan masjid ini terletak di situ hinggalah sekarang.

Sebenarnya bentuk masjid ini tidaklah luarbiasa dan berbeda dengan bentuk masjid-masjid lain di sekitar tanahair. Cuma yang mengkagumkan ialah dari seni senibinanya di mana ianya diperbuat keseluruhan, meliputi dinding, lantai, atap dan tiangnya, dengan menggunakan semata-mata bahan-bahan kayu tanpa sebatang paku besi pun. Kayu yang digunakan itu ialah jenis kayu penak.

Sehingga tahun 1939, masjid ini masih tegap dan gagah seperti keadaan asalnya, kecuali dindingnya sahaja yang tiada. Ketika itu masjid ini telah digunakan sebagai madrasah bagi murid-murid belajar mengaji Quran dan pelajaran agama.

Keaslian masjid ini telah berubah selepas Perang Dunia Kedua kerana atapnya yang berasal dari kayu itu telah diganti dengan zing; dan ianya hanya berfungsi sebagai tempat persinggahan orang, di samping digunakan juga sebagai tempat meletak anika barang-barang makanan yang dibawa oleh orang-orang tempatan ketika diadakan sebarang perayaan ugama di Kampung Tengah ini.

Walaupun begitu, mengikut kepercayaan, masjid ini tidak boleh dicemarkan, umpamanya mengambil sebarang-barang dari sini atau melakukan perbuatan-perbuatan yang keji. Sekiranya dilakukan, maka orang yang berkenaan akan menerima bencana, kebanyakannya tidak sedarkan diri, dan ini dipercayai orang penduduk-penduduk tempatan bahawa orang itu telah dirasuk oleh jin Islam bergelar Tok Haji Serban Hijau yang dikatakan menjadi penunggu masjid ini.

Jelaslah sekarang bahawa masjid ini amat penting dari segi sejarah, bukanlah semata-mata kerana ianya merupakan sebuah masjid yang dianggap tertua di Negeri Sembilan, tetapi juga peranan masjid itu sendiri di dalam perkembangan masyarakat dan politik di negeri ini. Amatlah wajar sekiranya masjid ini mendapat perhatian dari pihak-pihak yang tertentu, dan catitan ringkas sejarahnya ini mungkin dapat membuka jalan ke arah pengkajian yang lebih mendalam lagi sehingga dapat pula mencungkil beberapa persoalan sejarah lain yang lebih penting lagi.